

Penawaran dan penerimaan DATA PLAN 33GB REDONE (“Data Plan”) oleh pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) kepada pelajar B40 UPNM adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut:

1

Penawaran ini khas untuk pelajar berdaftar UPNM sahaja dan tempoh langganan Data Plan adalah selama **6 bulan** sahaja bermula dari tarikh pengaktifan.

2

Pihak UPNM hanya akan menampung yuran langganan Data Plan tersebut sebanyak **RM25-00** setiap bulan bagi setiap pelajar berdaftar UPNM. Sebarang caj lain melebihi jumlah yang ditetapkan seperti caj khidmat panggilan ke luar negara, tol, muat turun muzik dan yang berkaitan tidak akan ditanggung.

3

Pelajar diminta mengutamakan penggunaan pakej Data Plan ini bagi proses pengajaran dan pembelajaran sahaja.

4

Pihak **UPNM berhak** pada sebarang masa dan mengikut budi bicaranya untuk **menamatkan penawaran** ini sekiranya mendapati pelajar yang menerima Data Plan tersebut menyalahgunakan dan/atau menggunakan Data Plan tersebut bagi tujuan yang bertentangan dengan peraturan UPNM dan/atau undang-undang Malaysia.

Program pakej Data Plan 33GB REDONE (“Data Plan”) yang ditawarkan oleh pihak UPNM kepada pelajar-pelajar berdaftar UPNM yang layak adalah seperti yang berikut:

1. Tawaran data internet bersubsidi daripada pihak RedONE bagi keperluan pembelajaran secara atas talian disediakan oleh UPNM kepada pelajar di dalam kumpulan B40 (hanya melibatkan pelajar awam).
2. Usahasama program ini dimeterai antara pihak UPNM dan RedONE.
3. Data Plan yang ditawarkan adalah seperti berikut:
 - a. Pakej Pasca Bayar Amazing38 menyediakan 33GB data terkumpul setiap bulan (rujuk pada *product deck* untuk maklumat lanjut).
 - b. Kontrak langganan Data Plan akan dimeterai antara redONE dan pelajar UPNM yang menerima tawaran ini. Pelajar sebagai *end-user* adalah terikat dengan terma dan syarat dalam kontrak tersebut.
 - c. Pihak UPNM memberi subsidi dengan menaja yuran langganan bulanan berjumlah RM25-00 bagi setiap orang pelajar selama 6 bulan dari tempoh pengaktifan.
 - d. redONE pula akan memberi subsidi dengan menaja sebanyak RM15.28 (termasuk SST) selama 6 bulan dan fi-pendaftaran pertama/kad sim untuk sebanyak RM10 setiap pelajar.
 - e. Untuk mereka yang ingin mengekalkan nombor telefon bimbit sedia ada, tiada bayaran deposit akan dikenakan bagi proses tersebut (jika tiada masalah untuk beralih dari “telco” lain ke redONE).
 - f. Bagi pelajar yang ingin mendaftar nombor telefon bimbit baru, pelajar perlu membayar “refundable” deposit sebanyak RM25-00 (MyKad/MyTentera bersih) atau RM50-00 (MyKad/MyTentera “blacklisted”).
 - g. Penambahan perkhidmatan kepada Data Plan akan dikenakan bayaran dan akan ditanggung oleh pelajar.
 - h. Penghantaran Kad Sim kepada pelajar akan diuruskan oleh pihak redONE dan rakan niaga redONE.
5. RedONE bersedia membantu dalam program keusahawanan atau kesukanan sebagai penaja bersama.
6. Pihak RedONE akan menyediakan *One-stop centre* di dalam Kampus UPNM Kem Sg Besi untuk membantu pihak UPNM dalam memberi servis selepas jualan dan perundingan kepada pelajar UPNM.

Layari https://www.redone.com.my/about_us/corporate_overview untuk maklumat lanjut berkenaan RedONE